

## KESAN SAMPINGAN

- Sakit pada mata atau penglihatan berubah.
- Mata kemerahan atau iritasi berterusan atau anak mata menjadi besar.
- Jika anda mengalami sebarang alahan atau kesan sampingan ubat selepas menggunakan ubat salap mata, beritahu doktor atau pegawai farmasi anda.

## PENYIMPANAN

- Simpan ubat di tempat selamat dan tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.
- Simpan di tempat dingin dan kering (di bawah suhu 25°C) kecuali jika dinyatakan sebaliknya.
- Selepas rawatan, buang baki ubat.
- Jangan guna selepas tarikh luput ubat.
- Buang ubat yang telah dibuka seperti diarahkan.

## AMARAN

Segala panduan di dalam risalah ini adalah sebagai maklumat sahaja. Ianya tidak menunjukkan cara menggunakan ubat anda secara spesifik. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai ubat anda, sila hubungi Pegawai Farmasi untuk mendapatkan nasihat.

## JIKA TERDAPAT SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI PEGAWAI FARMASI

FASILITI (FARMASI)	NO. TELEFON
Hospital Putrajaya	03-8312 4200 Ext: 2630/4373
Hospital Rehabilitasi Cheras	03-9145 3400 Ext: 3101/3103
Klinik Kesihatan Batu	03-6257 3355 Ext: 34
Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak	03-9171 3333
Klinik Kesihatan Cheras	03-9130 0817
Klinik Kesihatan Cheras Baru	03-4294 6114 Ext: 108
Klinik Kesihatan Dato Keramat	03-4257 3333
Klinik Kesihatan Jinjang	03-6258 3355 Ext: 117
Klinik Kesihatan Kampung Pandan	03-9281 0272
Klinik Kesihatan Pantai	03-2282 5289
Klinik Kesihatan Petaling Bahagia	03-7785 9408
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 3	03-8888 0241 Ext: 207
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9	03-8888 3057 Ext: 165
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 11	03-8881 1732 Ext: 112/113
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14	03-8888 0167 Ext: 103
Klinik Kesihatan Sentul	03-4042 7557 Ext: 105
Klinik Kesihatan Setapak	03-4142 5429 Ext: 103/105
Klinik Kesihatan Sungai Besi	03-9054 9911
Klinik Kesihatan Tanglin	03-2698 3311 Ext: 116/118

# Ubat Salap Mata



Jawatankuasa Kerja Kaunseling  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur & Putrajaya  
2013/2014

# APAKAH SALAP MATA?

**Salap mata** adalah **sediaan steril separa pepejal untuk disapu ke dalam kelopak mata**. Sediaan ini mengandungi ubat-ubatan terlarut atau terampai dalam medium yang sesuai.



## SEBELUM MENGGUNAKAN UBAT INI, PASTIKAN:-

**Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika:**

Anda mempunyai alahan kepada sebarang ubat.


Anda menghadapi sebarang masalah perubatan.

## LANGKAH - LANGKAH PENGGUNAAN UBAT SALAP MATA

- 1 Basuh kedua-dua tangan anda.
- 2 Baca label ubat.
- 3 Baring atau dongakkan kepala dan dengan perlahan tarik kelopak mata bawah ke bawah.
- 4 Letakkan sejalur (1cm) salap ke dalam kelopak mata bawah dengan cermat supaya hujung tiub tidak tersentuh untuk mengelakkan sebarang pencemaran.



- 5 Pemandangan anda akan kabur seketika.
- 6 Pejam mata, tekan dengan lembut sudut dalam setiap mata dengan jari anda.



- 7 Teruskan memejam untuk selama lebih kurang 1 minit supaya ubat dapat menyerap.

- 8 Tegakkan kepala dan lapkan lebih salap.
- 9 Jika anda perlu menggunakan ubat titis dan salap mata bersama, guna ubat titis dahulu.
- 10 Selepas menggunakan tiub aplikator, sentiasa bersihkan tiub ubat dengan menggunakan tisu atau kain yang bersih dan tutup tiub aplikator dengan penutup ubat salap mata.

### JIKA ANDA TERTINGGAL DOS

*Guna sebaik sahaja teringat. Jika sudah hampir waktu dos akan datang, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.*

**JANGAN GANDAKAN DOS ANDA.**

### PERHATIAN

- Berjumpa doktor jika gejala-gejala tidak berkurangan.
- Untuk mengelakkan infeksi berjangkit, sapukan ubat terus dari tiub.
- Elakkan menyentuh ubat dengan jari.
- Jangan berhenti guna salap mata sebelum tamat tempoh rawatan walaupun keadaan bertambah baik. Jika anda cepat berhenti mengguna ubat mata, mungkin penyakit akan berulang semula.
- Jangan berkongsi ubat salap mata ini dengan orang lain walaupun mereka menunjukkan gejala yang sama dengan anda.
- Guna ubat mata ke dalam mata yang berkenaan sahaja.
- Jangan memakai kanta sesentuh sebaik selepas menggunakan ubat.